

JAWATAN	: JURUPULIH PERUBATAN
GRED	: U5
SKIM PERKHIDMATAN	: JURUPULIH PERUBATAN
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
TARAF JAWATAN	: TETAP
LOKASI	: JOHOR BAHRU/KUALA LUMPUR
JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	: RM1,650.00 – RM6,620.00
	PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.1/2024
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM145.00
IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM	: RM160.00
IMBUHAN TETAP PERUMAHAN	: RM300.00
BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP	: RM350.00

SYARAT LANTIKAN:

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred U5: RM1,731.00); atau
 - Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred U5: RM1,812.00); atau
 - Diploma Fisioterapi, Diploma Pemulihan Cara Kerja atau Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred U5: RM1,974.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang - kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT UNIVERSITI:

- Keutamaan kepada calon yang memiliki sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/SPMV serta berkeupayaan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris, sama ada secara lisan mahupun penulisan.
- Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai BMI yang normal.

DESKRIPSI TUGAS:

1. Memberi rawatan fisioterapi yang efektif dan berkesan kepada pesakit.
2. Membuat penilaian, menganalisis maklumat berdasarkan penilaian dan merancang rawatan pesakit yang bersesuaian.
3. Membuat dokumentasi maklumat berasaskan sistem Problem-Oriented Medical Record (POMR).
4. Memberikan pendidikan kesihatan pesakit berdasarkan masalah kesihatan mereka.
5. Menetapkan dan menyusun tarikh temujanji untuk pesakit fisioterapi.
6. Mengambil alih tugas klinikal apabila rakan sejawat bercuti/berkursus.
7. Menyediakan sensus pesakit fisioterapi bulanan dan tahunan.
8. Merancang dan menyediakan laporan tahunan unit Fisioterapi.
9. Memantau penyelenggaraan peralatan dan memastikan peralatan dapat digunakan dengan selamat.
10. Merekodkan setiap kerosakan peralatan rawatan dan mengambil tindakan yang sesuai
11. Mengemaskini inventori peralatan dan harta modal (aset).
12. Merancang, menyediakan dan memantau pengurusan permintaan peralatan dan keperluan unit Fisioterapi.
13. Menghadiri mesyuarat bagi wakil unit Fisioterapi.
14. Merancang, mengatur dan menyelia jadual giliran tugas staf.
15. Merancang dan menyediakan laporan penilaian prestasi.
16. Membantu pelajar yang datang membuat penyelidikan.
17. Mengumpul maklumat pesakit yang diperlukan untuk penyelidikan.
18. Menghadiri aktiviti-aktiviti CME untuk unit/Pusat Kesihatan Universiti.
19. Memberi latihan/bimbingan untuk pelatih yang melakukan penempatan klinikal.
20. Menjalankan tugas sebagai tunggu sedia perubatan semasa program rasmi universiti.

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian (<https://mohonjawatan.utm.my/lantikan/>) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR melalui laman web UTM.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang sah, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. (Pengesahan oleh Pegawai Gred 9 dan ke atas).
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.